# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI TERENGGANU

Oleh

SUHAINI BT ABDUL HAMID
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Dan Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1100045492

Perpustakaan
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

Universiti Malaysia Terengganu
Perpustakaan

LI 92 FPE 1 2005

1100045492
Laporan akhir latihan industri di Jabatan Belia dan Sukan Nege
Terengganu / Suhaini Abdul Hamid.

**PERPUSTAKAAN**
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045492

| | | |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

Perpustakaan
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI

# DI JABATAN BELIA DAN SUKAN

# NEGERI TERENGGANU

**Oleh:**

**SUHAINI BT ABDUL HAMID**

**(Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada
Jabatan Ekologi Sosial
**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

**2005**

1100045492

# Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Suhaini bt Abdul Hamid (UK8578) mengaku bahawa laporan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman ynag dipelajari semasa Laithan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan

**Nama: Suhaini bt. Abdul Hamid**

**Tarikh: 14 November 2005**

**Disahkan Oleh:**

Rosyidah Muhamad
Pensyarah
Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia

**Penyelia KUSTEM**

**b/p Pengerusi Latihan Industri**

**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**

**KUSTEM**

# PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur kehadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat saya menyiapkan Laporan Akhir Latihan Industri ini. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada pihak Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), dengan adanya peluang sebegini dapat saya menimba pengalaman sebenar dunia pekerjaan dan meningkatkan kemahiran dalam menulis laporan.

Terima kasih yang tak terhingga di kalungkan kepada pihak yang telah memberi peluang dan kerjasama kepada saya sebagai pelatih untuk menjalani Latihan Industri yakni seluruh warga Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu (JBSNT) khasnya Penyelia Industri Jabatan iaitu En. Hafizi Hanapi, Pn. Hasliza Mat. Zin dan juga Pn. Musliana Mustaffa yang banyak memberi tunjuk ajar selama pelatih menjalani latihan di bawah Unit Pembangunan Ekonomi. Juga tidak lupa kepada ibu bapa, pensyarah-pensyarah dan kakitangan KUSTEM, Penyelia Industri KUSTEM iaitu Pn. Rosyidah Muhamad serta rakan-rakan yang banyak memberi tunjuk ajar dan berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam menjalani latihan dan menyiapkan laporan dan diharapkan adanya Laporan Akhir Latihan Industri dapat memenuhi jam kredit pengajian saya dan berpeluang menjadi bahan rujukan kepada mana-mana pihak yang memerlukan.

Sekian, terima kasih.

## SENARAI LAMPIRAN

1. Salinan '*Punch Card*' / kad perakam waktu.
2. Salinan borang LI 02
3. Salinan pengesahan insurans
4. Salinan contoh buku log
5. Memo penempatan pelatih oleh JBSNT
6. Salinan carta organisasi JBSNT
7. Salinan surat pengesahan dan sokongan JBSNT kepada pelatih

Perpustakaan
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

# SENARAI KANDUNGAN

**PERKARA** **HALAMAN**

Pengesahan Keaslian Laporan
Penghargaan
Senarai Lampiran

**BAB I : LATAR BELAKANG ORGANISASI**

1.0 Pengenalan 1-6
1.1 Maklumat organisasi 7-9
1.2 Carta organisasi 10-23
1.3 Aktiviti organisasi 24-29
1.3.1 Aktiviti Jabatan Belia danSukan Negeri Terengganu
1.3.2 Aktiviti Unit Pembangunan Ekonomi Belia
1.4 Kemahiran yang telah dipelajari 30-35
1.5 Kesimpulan 36-37

**BAB II : ANALISIS KESELURUHAN PENEMUAN**

2.0 Pengenalan 38
2.1 Penemuan di bahagian/ unit Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu 39-45
2.1.1 Sistem sedia ada
2.1.2 Mengenalpasti masalah
2.2 Rumusan dan analisis ke atas jabatan 46-50
2.2.1 Kekuatan organisasi/jabatan
2.2.2 Kelemahan organisasi/jabatan
2.2.3 Peluang organisasi/ jabatan
2.2.4 Ancaman organisasi/jabatan
2.3 Cadangan penyelesaian dan pelaksanaan 51-59
2.3.1 M asalah disiplin
2.3.2 Masalah pengurusan sistem yang kurang cekap
2.3.3 Masalah merekod maklumat
2.3.4 Masalah lain
2.4 Kesimpulan 60-61

**BAB III : PENUTUP** 62-64

Rujukan
Lampiran

# BAB I

# LATAR BELAKANG ORGANISASI

## 1.0 Pengenalan

Terengganu Darul Iman ialah sebuah negeri yang luasnya lebih kurang 12,956 kilometer persegi terletak di antara negeri Kelantan di sebelah Utara dan Barat dengan negeri Pahang di sebelah Selatan dan Baratdaya. Di sebelah Timur pula terhampar luas Laut China Selatan. Jumlah penduduk pada tahun 2002 di anggarkan 940,646 ribu orang. Jumlah penduduk belia merangkumi 40 peratus keseluruhan penduduknya. Pada masa ini negeri Terengganu mempunyai tujuh daerah iaitu daerah Kemaman, Dungun, Marang, Kuala Terengganu, Hulu Terengganu, Setiu dan Besut.

Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu telah dibuka pada tahun 1966 adalah sebuah agensi kerajaan Persekutuan, berperanan membentuk keperibadian golongan belia yang sihat lagi cergas serta bernilai keseluruhannnya. Dalam tempoh 39 tahun kewujudannya seramai 14 orang Pengarah telah menyumbang khidmat bakti dengan dibantu oleh 52 kakitangan tetap dan 9 orang kakitangan sementara di bawah Skim Rakan Muda.

Dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu melaksanakan pelbagai aktiviti disemua peringkat secara

bersepadu, terancang serta memberi impak yang positif melalui bahagian-bahagian sebagaimana berikut:-

1. Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan
2. Bahagian Belia
3. Bahagian Sukan
4. Kompleks Belia dan Sukan
5. Pejabat Belia dan Sukan Daerah

Tanggungjawab, penglibatan serta usaha semua pegawai-pegawai dan kakitangan, Jabatan ini telah dapat melaksanakan program mencakupi keperluan yang baik dan teratur.